



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PENDIDIKAN (PG.3)
POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak memohon.

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Pendidikan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEGAWAI PENDIDIKAN
POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PG.3 (\$2,450 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

BIDANG DAN JUMLAH KEKOSONGAN:

ARCHITECTURAL DESIGN & TECHNOLOGY / INTERIOR ARCHITECTURE - (01 KOSONG)
COMPUTER INFORMATION SYSTEM / INFORMATION TECHNOLOGY - (01 KOSONG)
CHEMISTRY / CHEMICAL ENGINEERING / PLANT ENGINEERING - (01 KOSONG)
MATHEMATICS - (01 KOSONG)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pendidikan / bidang seperti yang dinyatakan di atas atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai tenaga pengajar sepenuh masa dalam tangga gaji PG.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai kelulusan-kelulusan berikut adalah satu kelebihan:
 - i. Ijazah Sarjana (Masters by Coursework or Research); dan
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Dua Atas dan ke atas.
3. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang yang dikehendaki oleh jawatan dari segi teori dan amali adalah kelebihan.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris atau lain-lain Bahasa antarabangsa dengan baik.
5. Mempunyai Laporan Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengajar dan melatih pelajar Diploma Tahap 5;
2. Membantu dalam penyelidikan dan perkembangan kurikulum;
3. Bertanggungjawab sebagai *Group Leader* atau *Programme Leader*;
4. Merancang, menyelaraskan dan mengawasi kegiatan tambahan untuk pelajar-pelajar;
5. Mengawasi pengajar semasa menjalankan latihan industri;
6. Membantu mengendalikan kursus, bengkel, seminar atau lain-lain kegiatan profesional dan kebajikan;
7. Menjadi Ketua Bahagian / Unit atau Pusat di institusi jika bersesuaian;
8. Menghadiri latihan penempatan industri;
9. Merekabentuk dan membuat alat bantu mengajar yang bersesuaian;
10. Menganggotai mana-mana jawatankuasa yang ditentukan oleh pihak pentadbiran institusi; dan
11. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.